



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

SIARAN MEDIA

YB HANNAH RASMI EKSPLO INDUSTRI SUKAN SABAH (EISS) 2023

YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan telah merasmikan Ekspo Industri Sukan Sabah (EISS) 2023 pada hari ini bertempat di Palm Square, Center Court Sabah, Kota Kinabalu. Ekspo yang julung kali diadakan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Sekretariat Industri Sukan (SIS) akan berlangsung selama 2 hari iaitu pada 2 hingga 3 September 2023 mulai jam 10.00 pagi hingga 7.00 malam.

Penganjuran EISS 2023 adalah untuk memberi pendedahan penduduk negeri Sabah khususnya mengenai peranan dan sumbangan yang diberikan oleh pelbagai segmen industri sukan, termasuk pelancongan sukan, kemudahan sukan, peruncitan sukan, perubatan sukan, pengurusan acara sukan dan pendidikan sukan.

EISS 2023 yang berlangsung selama 2 hari melibatkan penyertaan 40 pemain industri dari Semenanjung Malaysia dan Sabah. Selain EISS, satu Persidangan Industri Sukan Sabah turut diadakan pada 2 September 2023. Persidangan Industri Sukan ini menampilkan beberapa penceramah dan ahli panel forum jemputan yang berpengalaman dalam industri sukan.

Selain itu turut diadakan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Industri Sukan antara Persatuan Pengurusan Industri Sukan Malaysia (PRISM) dengan Leonian (M) Sdn Bhd bagi penganjuran Sports Industry Golf Challenge 2023/2024; Greenmaster (M) Sdn Bhd dengan Syarikat Niqmar Sdn Bhd sebagai

Agen Pembinaan Kemudahan Sukan dengan Teknologi yang dipunyai oleh RS Greenmaster bagi Negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan; dan MAXX Sports Sdn Bhd dengan Syarikat Milleneum Sports dan Syarikat Acebrio sebagai pengedar sah peralatan badminton jenama MAXX.

Menurut Yeoh pulangan ekonomi melalui ekspo dianggarkan sebanyak 1 juta, termasuk pemerteraian tiga MoU tersebut.

“Ekspo Industri Sukan Sabah adalah aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan bagi membangunkan industri sukan di Sabah dan Sarawak dan menunjukkan komitmen kerajaan untuk mempergiatkan aktiviti sukan di Sabah dan Sarawak,” kata Yeoh.

Dalam ucapannya, Yeoh juga mengumumkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah meluluskan RM774,000 daripada permohonan Geran Padanan Sukan kepada syarikat dan pertubuhan sukan di Sabah bagi penganjuran program sukan pada tahun ini.

Beberapa acara sampingan turut disediakan kepada pengunjung antaranya ialah Jualan Barangan Sukan, Pertandingan Dancefit Challenge, Pertandingan e-Sports, Pertandingan Tenpin Bowling, Fun Ride, Masterclass Fuze Fitness Knockout, Temuduga Kerjaya serta persembahan artis dan kebudayaan tempatan.

Majlis ini turut dihadiri oleh Menteri Belia dan Sukan Sabah, YB Dato Ellron Alfred Angin dan Pembantu Menteri Belia dan Sukan Sabah, YB Datuk Fairuz bin Renddan.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
2 SEPTEMBER 2023**